



TAWARAN SEBUT HARGA

SEBUT HARGA BAGI KERJA-KERJA MEMBINA DATARAN KONKRIT DI KAWASAN KOLAM MANDI UTAMA, MEMBINA TEMBOK PENAHAN KONKRIT SERTA MENAIKTARAF HALAMAN TERBUKA DENGAN TURAPAN KONKRIT MEMANCA (INTERLOCKING CONCRETE PAVING) DI KAWASAN WAKAF TERBUKA DAN LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI DALAM KAWASAN TAMAN NEGERI BUKIT PANCHOR, PULAU PINANG.

SEBUT HARGA: JPNPP/400-17/2019/18

Dokumen Sebutharga ini mengandungi **...32..** muka surat tidak termasuk lampiran. Pastikan bilangan muka surat adalah mencukupi sebelum anda meninggalkan pejabat ini.

KENYATAAN SEBUTHARGA

(Kew.248)

**LAMPIRAN ' Q '
KERAJAAN MALAYSIA
NEGERI PULAU PINANG**

SEBUT HARGA NO: JPNPP/400-17/2019/18.

(Arahan Perbendaharaan No: 107)

SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN

Kepada :

.....
.....
.....
.....
.....

Pelawaan Sebutharga
dikeluarkan oleh:
JABATAN PERHUTANAN
NEGERI PULAU PINANG
TINGKAT 20, MENARA KOMTAR
10000 PULAU PINANG

1. Sila beri sebutharga bagi perkhidmatan yang disenaraikan dibawah tertakluk kepada had-had dan syarat-syarat yang ditetapkan.
2. Syarat-syarat serahan : Apabila kerja siap mengikut spesifikasi atau diluluskan oleh Pengarah Perhutanan Negeri atau wakilnya.
3. Tarikh dikehendaki diserahkan / sempurnakan : Secepat mungkin.
4. Pengirim : Alamatkan kepada Pengarah Perhutanan Negeri, Jabatan Perhutanan Negeri, Tingkat 20 Menara Komtar, 10000 Pulau Pinang.
5. Pembayaran : Melalui Inden Kerja.
6. Sebut harga mestilah sampai dialamat diatas tidak lewat daripada jam **12.00 tengahari** pada **23/5/2019** dan hendaklah sah selama 90 hari (sembilan puluh hari) selepas itu.
7. Sebut harga mestilah dimasukkan dalam sampul surat berlakri ditanda "Sebut harga no : **JPNPP/400-17/2019/18.**

Tarikh :

Nama :

Jawatan :

JABATAN PERHUTANAN NEGERI PULAU PINANG

Sebut harga Untuk : **KERJA–KERJA MEMBINA DATARAN KONKRIT DI KAWASAN KOLAM MANDI UTAMA, MEMBINA TEMBOK PENAHAN KONKRIT SERTA MENAIKTARAF HALAMAN TERBUKA DENGAN TURAPAN KONKRIT MEMANCA (INTERLOCKING CONCRETE PAVING) DI KAWASAN WAKAF TERBUKA DAN LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI DALAM KAWASAN TAMAN NEGERI BUKIT PANCHOR, PULAU PINANG.**

Sebut harga No : **JPNPP/400-17/2019/18.**

Kami/saya dengan ini menawarkan perkhidmatan di bawah tertakluk kepada syarat-syarat/ spesifikasi kerja dan syarat-syarat kontrak yang telah ditetapkan dengan harga seperti berikut:

Bil.	Spesifikasi Kerja	Kuantiti	Kadar Harga (RM)	Jumlah Harga (RM)
1.0	KEHENDAK-KEHENDAK PERMULAAN DAN SYARAT-SYARAT AM. KEHENDAK KONTRAK.			
1.1	Menyediakan insuran berkaitan dengan kerja-kerja seperti berikut:- a) Insuran Pampasan Pekerja (Workmen Compensation dan/ atau Nombor Pendaftaran dengan PERKESO bagi kesemua pekerja. b) Insuran Liabiliti Awam dan/ atau Insurans Kerja (sekiranya dinyatakan di dalam butir-butir Ringkasan Sebut harga)	Pukal		
1.2	Menyediakan laporan bergambar bagi kerja-kerja sebelum, semasa dan selepas siap kerja sebanyak 2 salinan dan 1 soft copy berbentuk CDR.	Pukal		
	JUMLAH KECIL			

Bil.	Spesifikasi Kerja	Kuantiti	Kadar Harga (RM)	Jumlah Harga (RM)
2.0	<p>WAKAF TERBUKA</p> <p><u>Tembok Penahan Konkrit</u></p> <p>2.1 Kerja-kerja mengorek tanah sediada untuk mendapat tembok baru berukuran 19.5m (panjang) x 0.8m (lebar) serta kerja-kerja berkaitan mengikut spesifikasi serta arahan Pegawai Penguasa.</p> <p>2.2 Kerja-kerja membina tapak asas dengan membuat rangka bar keluli tegangan tinggi besi tetulang 6Y-10mm gegelung (link) R6-150mm c/c10mm dan di konkrit dengan berukuran 2' (lebar) x 8" (tebal) serta kerja-kerja berkaitan mengikut spesifikasi serta arahan Pegawai Penguasa.</p> <p>2.3 Kerja-kerja membina tembok dinding konkrit nisbah (1:3:6-19mm)(gred 20) berukuran 4' (tinggi) x 8" (lebar) menggunakan 2 lapisan BRC bersaiz No B7 dan kerja-kerja kemas berkaitan mengikut spesifikasi serta arahan Pegawai Penguasa.</p> <p>2.4 Kerja-kerja menambak tanah dari jenis tanah yang dipersetujui di bahagian belakang tembok penahan serta di padatkan mengikut spesifikasi serta arahan Pegawai Penguasa.</p>	<p>15.6m²</p> <p>19.5 meter</p> <p>19.5 meter</p> <p>Pukal</p>		
	JUMLAH KECIL			

Bil.	Spesifikasi Kerja	Kuantiti	Kadar Harga (RM)	Jumlah Harga (RM)
	<p><u>Lantai Luar</u></p> <p>2.5 Kerja-kerja menggali tanah dengan tangan hingga 300mm dalam termasuk kerja menimbus, memadat, membersihkan tapak dan membuang sampah sarap keluar dari tapak.</p> <p>2.6 Kerja-kerja bekal dan pasang dinding bata campuran pasir dan simen 113mm tebal berukuran 0.4m (tinggi) diperkuat dengan tetulang 'exmet' dipasang di setiap tiga lapisan bata termasuk plaster di kedua-dua belah (beam).</p> <p>2.7 Kerja-kerja, menghampar dan memampat "Crusher Run Base" setebal 300mm untuk keseluruhan lantai termasuk apron mengikut spesifikasi serta arahan Pegawai Penguasa.</p> <p>2.8 Kerja-kerja membekal dan menghampar 1 lapis BRC A6 di seluruh lantai termasuk apron lantai serta kerja-kerja berkaitan mengikut spesifikasi serta arahan Pegawai Penguasa.</p> <p>2.9 Kerja-kerja membina, memasang dan membuka papan acuan serta menghampar lapisan konkrit gred 20 (1:2:4-20mm) setebal 100mm serta kerja-kerja berkaitan mengikut spesifikasi serta arahan Pegawai Penguasa.</p>	<p>24.3m³</p> <p>21.6m²</p> <p>24.3m³</p> <p>135.8m²</p> <p>13.58m³</p>		
	JUMLAH KECIL			

Bil.	Spesifikasi Kerja	Kuantiti	Kadar Harga (RM)	Jumlah Harga (RM)
2.10	Kerja-kerja membekal dan memasang 12mm diameter kepala pili jenis bertiang setinggi 1.0m serta membina tapak wuduk jenis konkrit berukuran 0.6m x 0.6m x 100mm tebal dan kerja-kerja berkaitan mengikut spesifikasi serta arahan Pegawai Penguasa.	Pukal		
	JUMLAH KECIL			

Bil.	Spesifikasi Kerja	Kuantiti	Kadar Harga (RM)	Jumlah Harga (RM)
3.0	<p>KERJA-KERJA ELEKTRIK</p> <p>PENDAWAIAN Arahan :</p> <p>Semua kerja pendawaian hendaklah mengikut spesifikasi :</p> <p>S1 yang diluluskan oleh JKR. Sila rujuk website://ict01.jkr.gov.my/jmal untuk menyemak jenama & model peralatan yang diluluskan. Pendawaian elektrik hendaklah jenis pendawaian permukaan menggunakan G.I.konduit/trunking. Kesemua harga bagi kegunaan conduit dan trunking adalah termasuk sekali dengan harga pendawaian. Panel suis terkumpul hendaklah digunakan lebih dari satu suis dipasang bersama. Tiap-tiap penyambungan trunking hendaklah disertakan pita kuprum (bridging)</p> <p>KERJA-KERJA PENDAWAIN ELEKTRIK BARU DAN PEMASANGAN KELENGKAPAN SERTA LAIN-LAIN YANG BERKAITAN :</p>			
3.1	<p>Kerja-kerja membekal dan memasang LED kalimantang 1x18w menggunakan kabel 2 x 1.5mm persegi I/d kabel perlindungan serta pendawaian baru serta suis.</p>	8 no		
	JUMLAH KECIL			

Bil.	Spesifikasi Kerja	Kuantiti	Kadar Harga (RM)	Jumlah Harga (RM)
4.0	WAKAF MEMASAK			
4.1	Kerja-kerja bekal dan pasang dinding bata campuran pasir dan simen 113mm tebal berukuran 0.3m (tinggi) diperkuat dengan tetulang 'exmet' dipasang di setiap tiga lapisan bata termasuk plaster di kedua-dua belah (beam).	10.38m ²		
4.2	Kerja-kerja, menghampar dan memampat "Crusher Run Base" setebal 150mm untuk keseluruhan lantai termasuk apron mengikut spesifikasi serta arahan Pegawai Penguasa.	9.2m ³		
4.3	Kerja-kerja membekal dan menghampar 1 lapis BRC A6 di seluruh lantai termasuk apron lantai serta kerja-kerja berkaitan mengikut spesifikasi serta arahan Pegawai Penguasa.	73.5m ²		
4.4	Kerja-kerja membina, memasang dan membuka papan acuan serta menghampar lapisan konkrit gred 20 (1:2:4-20mm) setebal 100mm serta kerja-kerja berkaitan mengikut spesifikasi serta arahan Pegawai Penguasa.	7.35m ³		
4.5	Kerja-kerja membekal longkang 225mm x 225mm termasuk mengorek, konkrit, memasang longkang malaria 75mm tebal dan membina capping beam konkrit mengikut spesifikasi serta arahan Pegawai Penguasa.	24.8 meter		
	JUMLAH KECIL			

Bil.	Spesifikasi Kerja	Kuantiti	Kadar Harga (RM)	Jumlah Harga (RM)
4.6	Kerja-kerja membekal bahan, peralatan dan buruh untuk meroboh/ membuka bahagian table top sedia ada mengumpul dan membawa keluar semua sisa robohan ke tempat pembuangan kontraktor sepertimana yang diarahkan Pegawai Penguasa. (saiz 9.0m x 0.95m)	Pukal		
4.7	Kerja-kerja membina table top baru di bahagian wakaf memasak dengan menggunakan konkrit berukuran 9.0m (panjang) x 0.9m (tinggi) x 0.95m (lebar) x 90mm (tebal) dan dipasangkan dengan jubin lantai 300mm x 300mm mengikut spesifikasi serta arahan Pegawai Penguasa.	1 no		
4.8	Kerja-kerja membekal dan memasang stainles steel double singki bowl serta satu bidang saluran dan dilengkapi dengan segala alat-alat pembuang kotor, penyumbat dan rantai.	1 no		
4.9	Kerja-kerja membekal dan memasang kipas dinding 26" termasuk memasang 1 unit suis kawalan arus termasuk kelengkapan (dengan pendawaian & konduit PVC) serta kerja yang berkaitan denganya.	1 no		
	JUMLAH KECIL			

Bil.	Spesifikasi Kerja	Kuantiti	Kadar Harga (RM)	Jumlah Harga (RM)
5.0	LALUAN BOARDWALK			
5.1	Kerja-kerja membina laluan konkrit menghampar dan memampat " <i>Crusher Run Base</i> " tebal 150mm, termasuk membina beam dinding bata 113 tebal dan kerja-kerja konkrit setebal 100mm dengan tetulang A6, (saiz 10.0m x 1.2m)	12m ²		
6.0	CONCRETE INTERLOCKING PAVING DI KAWASAN HADAPAN WAKAF TERBUKA			
6.1	Kerja-kerja melevel dengan cakar permukaan lapisan tanah sedia ada dan padatkan lapisan " <i>Crussher Run Base</i> " setebal 150mm untuk lantai serta kerja-kerja berkaitan mengikut arahan Pegawai Penguasa seperti yang dinyatakan mengikut pelan dan arahan Pegawai Penguasa.	29.25m ³		
6.2	Kerja-kerja membekal dan memasang interlocking paving block baru setebal 80mm tebal unit turapan konkrit memanca (interlocking concrete paving units) diturap diatas lapisan permukaan pasir setebal 100mm serta dipadatkan dan ruang di antara unit turapan diisi dengan pasir halus dan lain-lain kerja yang berkaitan mengikut spesifikasi serta arahan Pegawai Penguasa. (saiz 15.0m x 13.0m)	195m ²		
6.3	Kerja-kerja konkrit di bahagian tepi bagi pelantain 'concrete interlocking paving' dan lain-lain kerja yang berkaitan mengikut spesifikasi serta arahan Pegawai Penguasa. saiz 110mm (tebal) x 150mm (tinggi)	28 meter		
	JUMLAH KECIL			

Bil.	Spesifikasi Kerja	Kuantiti	Kadar Harga (RM)	Jumlah Harga (RM)
6.4	Kerja-kerja membaiki konkrit di bahagian tepi bagi pelantaian 'concrete interlocking paving' dan lain-lain kerja yang berkaitan mengikut spesifikasi serta arahan Pegawai Penguasa. saiz 110mm (tebal) x 150mm (tinggi) -RUJUK DI TAPAK-	6.5 meter		
7.0	TANDAS DI KAWASAN TAPAK PERKHEMAHAN			
7.1	Kerja-kerja membekal dan memasang 12mm diameter kepala paip injap turus (pillar tap) bersadur kromium mengikut BS 1010 berkepala atau setaraf denganya dipasang pada paip keluli atau kuprum sedia ada.	8 no		
7.2	Kerja-kerja membuka dan membekal Aksesori utama di dalam Cistern sehingga berfungsi dengan baik.	7 no		
7.3	Kerja-kerja membekal 9 liter tangki (cistern) air plastik paras tinggi termasuk pendakap yang diskru pada dinding.	1 no		
	JUMLAH KECIL			

Bil.	Spesifikasi Kerja	Kuantiti	Kadar Harga (RM)	Jumlah Harga (RM)
8.0	KERJA MEMBINA DATARAN 'PEBBLE WASH STONE' DI KAWASAN KOLAM UTAMA			
8.1	Kerja-kerja menyediakan tapak ke paras yang dikehendaki termasuk mengimport tanah yang sesuai atau mengeluarkannya daripada tapak bina, meratakan serta memampatkan permukaan tanah tersebut dengan menggunakan mesin pemampat yang sesuai untuk kerja-kerja membina dataran berukuran 27.0m (panjang) x 12.0m (lebar) dan lain-lain kerja yang berkaitan mengikut spesifikasi serta arahan Pegawai Penguasa. -RUJUK DI TAPAK-	291.6m ³		
8.2	Kerja-kerja membekal bahan dan buruh mahir atau peralatan bagi kerja-kerja merata dan memadat lapisan " <i>Crusher Run Base</i> " tebal tidak melebihi 300mm dan di padatkan serta kerja-kerja berkaitan.	97.2m ³		
8.3	Kerja-kerja membekal dan menghampar 1 lapis BRC A6 di seluruh lantai berukuran 27.0m (panjang) x 12.0m (lebar) serta kerja-kerja berkaitan mengikut spesifikasi serta arahan Pegawai Penguasa.	324m ²		
	JUMLAH KECIL			

Bil.	Spesifikasi Kerja	Kuantiti	Kadar Harga (RM)	Jumlah Harga (RM)
8.4	Kerja-kerja menuang konkrit tuang disitu bertetulang menggunakan konkrit nisbah (1: 2:4-20mm) Grade 20 termasuk mencurah ke dalam acuan dan dicelah tetulang 150mm tebal lantai konkrit berukuran 27.0m (panjang) x 12.0m (lebar) dan lain-lain kerja yang berkaitan mengikut spesifikasi serta arahan Pegawai Penguasa.	48.6m ³		
8.5	Kerja-kerja menghampar, menuang dan mencurah lapisan batu 'Pebble Wash Stone' jenis berkualiti tinggi atau setaraf denganya bersaiz 5mm-10mm bersimen setebal 25mm di atas permukaan konkrit pada dataran berukuran 27.0m (panjang) x 12.0m (lebar) dikemaskan dengan satu lapisan 'sealant' dan lain-lain kerja yang berkaitan mengikut spesifikasi serta arahan Pegawai Penguasa.	324m ²		
8.6	Kerja-kerja membekal bahan, peralatan dan buruh bagi kerja-kerja mengikat bata jenis ikatan 9 termasuk plaster di kedua-dua belah di kawasan dataran berukuran 0.4m (tebal) x 0.4m (tinggi) dan lain-lain kerja yang berkaitan mengikut spesifikasi serta arahan Pegawai Penguasa.	29.6 meter		
9.0	PINTU PAGAR BESI			
9.1	Kerja-kerja membekal bahan, peralatan dan buruh bagi kerja-kerja membaikpulih pintu pagar besi sedia ada berukuran 3.7m x 0.2m supaya dapat berfungsi dengan baik. -RUJUK DI TAPAK-	1 no		
	JUMLAH KECIL			

Bil.	Spesifikasi Kerja	Kuantiti	Kadar Harga (RM)	Jumlah Harga (RM)
10.0 10.1	<p>KERJA-KERJA PEMBERSIHAN.</p> <p>Kerja-kerja membawa segala sisa buangan pembinaan keluar dari kawasan TAMAN NEGERI BUKIT PANCHOR ke tapak pelupusan yang diiktiraf oleh MPSP.</p> <p>NOTA MAKLUMAN:</p> <p>i) PEMBEKAL TIDAK BOLEH SAMA SEKALI MEMBAWA BAHAN MUATAN MELEBIHI NILAI HAD YANG DITETAPKAN.</p> <p>ii) KOS PENGANGUKATAN HENDAKLAH DIKIRA BAGI MEMBAWA BAHAN BINAAN TERSEBUT.</p> <p>iii) KERJA-KERJA TERSEBUT DI ATAS HENDAKLAH DILAKSANAKAN MENGIKUT SPESIFIKASI JPNPP DAN ARAHAN PEGAWAI PENGUASA.</p>	Pukal		
	JUMLAH KECIL			

JUMLAH KESELURUHAN : RM.....

RINGGIT MALAYSIA :
.....

TEMPOH SIAP KERJA:.....MINGGU

.....
Tandatangan
Metri atau Cop Syarikat

SYARAT-SYARAT KONTRAK.

- 1.0 Denda.
Denda kelewatan Siap Kerja sebanyak RM25.00 / hari boleh dikenakan.
- 2.0 Sebelum Inden Kerja dikeluarkan, pemborong adalah dikehendaki mengemukakan kepada Jabatan Perhutanan Negeri perkara-perkara berikut:

Polisi – Polisi	Nilai
i. Insuran Kerja	100% dari harga sebutharga
ii. Pampasan Pekerja	30% dari harga sebutharga
iii. Pampasan Am dan	RM10,000 untuk harga sebutharga yang tidak melebihi RM25,000 dan RM25,000 untuk harga sebutharga diantara RM25,000 hingga RM50,000.

- 3.0 Kuantiti yang ditunjukkan adalah sebagai panduan sahaja. Kerajaan berhak menambah atau mengurangkan mengikut kadarnya bagi tujuan sebutharga ini.
- 4.0 Pemborong mestilah memasukkan kadar harga pada tiap-tiap butiran. Jika tidak sebutharga dari pemborong berkenaan akan ditolak.
- 5.0 Pemborong yang **enggan** menandatangani sesuatu sebutharga selepas sebutharganya diterima atau **menarik balik** sebutharganya sebelum sesuatu tawaran diumumkan, **pendaftaran akan digantung**.
- 6.0 Sekiranya pemborong **gagal** melaksanakan mana-mana kerja yang telah digariskan di dalam spesifikasi kerja, Jabatan Perhutanan berhak untuk **memotong bayaran** mengikut kadar seperti di dalam harga yang telah disebutkan.
- 7.0 Sekiranya pihak jabatan **tidak berpuashati** di atas kerja-kerja yang telah dijalankan, jabatan boleh **membatalkan** tawarannya atau kontrak yang telah dikeluarkan

Saya yang bertandatangan dibawah dengan ini faham dan bersetuju menerima syarat-syarat / spesifikasi kerja dan syarat-syarat kontrak seperti yang dinyatakan di atas.

.....
(Tandatangan kontraktor)

Nama :

Alamat :
.....
.....

No. Kad Pengenalan :

No. Telefon Pejabat : No. Telefon Bimbit :

.....
(Tandatangan Saksi)

Nama :

Alamat :
.....
.....

No. Kad Pengenalan :

SURAT AKUAN PEMBIDA
Bagi

(SEBUT HARGA BAGI KERJA-KERJA MEMBINA DATARAN KONKRIT DI KAWASAN KOLAM MANDI UTAMA, MEMBINA TEMBOK PENAHAN KONKRIT SERTA MENAIKTARAF HALAMAN TERBUKA DENGAN TURAPAN KONKRIT MEMANCA (INTERLOCKING CONCRETE PAVING) DI KAWASAN WAKAF TERBUKA DAN LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI DALAM KAWASAN TAMAN NEGERI BUKIT PANCHOR, PULAU PINANG.(JPNPP/400-17/2019/18)

Saya,.....nombor K.P.yang mewakili
.....nombor Pendaftaran
..... dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-
mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-
mana individu dalam Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang atau mana-mana individu lain, sebagai
sogokan untuk dipilih dalam tender/ sebut harga* seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan
Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat
pengisytiharan ini.

1. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah
menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Jabatan Perhutanan Negeri Pulau
Pinang atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga seperti di
atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

1. penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/ sebut harga* di atas; atau
2. penamatan kontrak bagi tender/ sebut harga* di atas; dan
3. lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan kerajaan.

2. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-
mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/ sebut
harga* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut
kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....
Nama :
No. KP:

Cop Syarikat :

Catatan: * Potong mana yang tidak berkaitan

ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA

1. HAK KERAJAAN UNTUK MENERIMA/MENOLAK SEBUT HARGA

Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebut harga. Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga adalah muktamad.

2. CARA-CARA MELENGKAPKAN DOKUMEN SEBUT HARGA

2.1 Penyediaan Sebut Harga

Kontraktor adalah dikehendaki mengisi dengan dakwat segala maklumat berikut dengan sepenuhnya:-

- (a) Harga dan tandatangan Kontraktor di Ringkasan Sebut Harga,
- (b) Harga, tempoh dan tandatangan dalam Borang Sebut Harga,
- (c) Senarai Kerja Dalam Tangan,
- (d) Jadual Kadar Harga (jika ada),
- (e) Butir-butir Spesifikasi (jika ada).

Jika berlaku kesilapan dalam mengisi maklumat-maklumat di atas Kontraktor hendaklah menandatangani ringkas semua pembetulan.

2.2 Penyerahan Dokumen Sebut Harga

- (a) Dokumen Sebut Harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang dicatatkan dengan bilangan sebut harga JPNPP/400-17/2019/18 serta tajuk sebut harga dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga pada masa dan tempat yang ditetapkan dalam Notis Sebut Harga.

- (b) Jika Dokumen Sebut Harga tidak diserahkan dengan tangan, Penyebut Harga hendaklah menghantar Dokumen tersebut dengan pos supaya tiba pada atau sebelum masa dan di tempat yang ditetapkan.
- (c) Sebut harga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, berbangkit dari sebarang sebab, tidak akan dipertimbangkan.

2.3 Penjelasan Lanjut

Sekiranya terdapat maklumat dalam Dokumen Sebut Harga yang tidak jelas atau bercanggah, Kontraktor boleh menghubungi Pegawai Inden untuk penjelasan lanjut.

3. TEMPOH SIAP KERJA *

Kerja ini hendaklah disiapkan dalam tempoh tidak melebihi7.... minggu.

4. BAYARAN DOKUMEN SEBUT HARGA +

Dokumen Sebut Harga ini dijual dengan harga RM10.00..... (Ringgit Malaysia:Sepuluh..... sahaja).

5. PERBELANJAAN PENYEDIAAN SEBUT HARGA

Semua perbelanjaan bagi penyediaan sebut harga ini hendaklah ditanggung oleh Penyebutharga sendiri.

6. TEMPOH SAH SEBUT HARGA

Sebut harga ini sah selama sembilan puluh (90) hari dari tarikh tutup sebut harga. Penyebut harga tidak boleh menarik balik sebut harganya sebelum tamat tempoh sah sebut harga. Tindakan tatatertib akan diambil sekiranya penyebut harga menarik balik sebut harganya sebelum tamat tempoh sah sebut harga.

* Hendaklah diisi oleh Pegawai Mengurus Sebut Harga

* Pengiraan harga dokumen sebut harga hendaklah dibuat berdasarkan kadar yang ditetapkan bagi bayaran dokumen tender menerusi SPP yang terkini.

SYARAT-SYARAT SEBUT HARGA UNTUK KERJA

1. PEMERIKSAAN TAPAK BINA

Kontraktor disifatkan telah memeriksa dan meneliti tapak bina dan sekitarnya, bentuk dan jenis tapak bina, takat dan jenis kerja, bahan dan barang yang perlu bagi menyiapkan Kerja, cara-cara perhubungan dan laluan masuk ke tapak bina dan hendaklah mendapatkan sendiri segala maklumat yang perlu tentang risiko, luar jangkaan dan segala hal-keadaan yang mempengaruhi dan menjejaskan sebut harganya. Sebarang tuntutan yang timbul akibat daripada kegagalan Kontraktor mematuhi kehendak ini tidak akan dipertimbangkan.

2. INSURANS

- 2.1 Kontraktor hendaklah atas nama bersama Kerajaan dan Kontraktor mengambil Insurans Liabiliti Awam dan Insurans Kerja* (sekiranya dinyatakan di dalam Butir-butir Ringkasan Sebutharga) bagi tempoh pelaksanaan Kerja ini. Kontraktor hendaklah juga mengemukakan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO.
- 2.2 Kontraktor hendaklah mengemukakan kepada Pegawai Inden semua polisi insurans dan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO yang tersebut di atas sebelum memulakan Kerja. Bagaimana pun untuk tujuan memulakan Kerja sahaja Nota-nota Perlindungan dan resit-resit bayaran premium adalah mencukupi. Sekiranya Kontraktor gagal mengemukakan semua polisi insurans selepas tempoh sah nota-nota perlindungan, tanpa sebarang sebab yang munasabah, Pegawai Inden berhak mengambil tindakan seperti di bawah fasal 9(d).

3. PERATURAN PERLAKSANAAN KERJA

- 3.1 Kerja-kerja yang dilaksanakan hendaklah mematuhi Spesifikasi, pelan-pelan, butir-butir kerja dalam Ringkasan Sebut Harga dan Syarat-syarat yang dinyatakan dalam Dokumen Sebut Harga ini dan arahan Pegawai Inden atau Wakilnya.
- 3.2 Kerja-kerja elektrik yang dilaksanakan disamping mematuhi kehendak di perenggan 3.1 di atas, hendaklah juga mematuhi semua peraturan dan pekeliling, undang-undang dan undang-undang kecil yang diluluskan oleh:
- (i) Suruhanjaya Tenaga
 - (ii) Jabatan Keselamatan Pekerjaan dan Kesihatan
 - (iii) Pemegang Lesen dan Pihak Berkuasa Bekalan Elektrik
 - (iv) Jabatan Bomba dan Penyelamat
 - (v) Pihak Berkuasa Tempatan

[^] Potong jika tidak diperlukan

4. KEGAGALAN KONTRAKTOR MEMULAKAN KERJA

Sekiranya Kontraktor gagal memulakan kerja selepas tujuh (7) hari dari tarikh akhir tempoh mula kerja yang dinyatakan dalam Inden, tanpa sebab-sebab yang munasabah, Inden akan dibatalkan oleh Pegawai Inden dan tindakan tatatertib akan diambil terhadap Kontraktor.

5. SUB-SEWA DAN MENYERAHHAK KERJA

Kontraktor tidak dibenarkan mengsub-sewakan Kerja kepada Kontraktor- kontraktor lain. Kontraktor tidak boleh menyerahhak apa-apa faedah di bawah Inden ini tanpa terlebih dahulu mendapatkan persetujuan bertulis daripada Pegawai Inden.

6. PENOLAKAN BAHAN, BARANG DAN MUTU HASIL KERJA OLEH PEGAWAI INDEN

- 6.1 Pegawai Inden atau Wakilnya berhak menolak bahan, barang dan mutu hasil kerja dari jenis piawaian yang tidak menepati seperti diperihalkan dalam spesifikasi. Kontraktor hendaklah, apabila diminta oleh Pegawai Inden, memberi kepadanya baucar-baucar dan/atau perakuan ujian pengilang untuk membuktikan bahawa bahan-bahan dan barang-barang itu mematuhi Spesifikasi. Bahan, barang dan kerja-kerja yang ditolak hendaklah diganti dan sebarang kos tambahan yang terlibat hendaklah ditanggung oleh Kontraktor sendiri.
- 6.2 Kontraktor hendaklah dengan sepenuhnya atas perbelanjaan sendiri menyediakan sampel bahan dan barang-barang untuk ujian.
- 6.3 Tiada penggantian untuk peralatan, bahan dan cara kerja yang telah ditentukan di dalam spesifikasi atau ditawarkan dan telah diterima, dibenarkan kecuali mendapat persetujuan daripada Pegawai Inden secara bertulis.

7. RINGKASAN SEBUT HARGA

- 7.1 Ringkasan Sebut Harga hendaklah menjadi sebahagian daripada Borang Sebut Harga ini dan hendaklah menjadi asas Jumlah Harga Sebut Harga.
- 7.2 Harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah mengambil kira semua kos termasuk kos pengangkutan, cukai, duti, bayaran dan caj-caj lain yang perlu dan berkaitan bagi penyiapan Kerja dengan sempurnanya.
- 7.3 Tiada sebarang tuntutan akan dilayan bagi pelarasan harga akibat daripada perubahan kos buruh, bahan-bahan dan semua duti dan cukai Kerajaan, sama ada dalam tempoh sah sebut harga atau dalam tempoh Kerja.

- 7.4 Harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga yang dikemukakan oleh Kontraktor hendaklah tertakluk kepada persetujuan sebelumnya daripada Pegawai Inden tentang kemunasabahannya. Persetujuan sebelumnya itu dan apa-apa pelarasan kemudiannya kepada harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah dibuat sebelum Inden Kerja dikeluarkan.
- 7.5 Apa-apa pelarasan harga dalam Ringkasan Sebut Harga menurut perenggan 7.4 tersebut di atas dan apa-apa kesilapan hisab dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah dilaras dan diperbetulkan sebelum Inden Kerja dikeluarkan. Jumlah amaun yang dilaraskan hendaklah sama dengan amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebut Harga. Amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebut Harga hendaklah tetap tidak berubah.
- 7.6 Sekiranya sebut harga berasaskan senarai kuantiti sementara, pengukuran semula hendaklah dibuat dan harga sebut harga diselaraskan.

8. PERCANGGAHAN DAN KECUKUPAN DOKUMEN SEBUT HARGA

- 8.1 Dokumen Sebut Harga adalah dikira sebagai saling jelas-menjelas antara satu sama lain. Kontraktor hendaklah mengadakan segala yang perlu untuk melaksanakan kerja dengan sewajarnya sehinggalah siap mengikut tujuan dan maksud sebenar. Dokumen Sebut Harga pada keseluruhannya sama ada atau tidak tujuan dan maksud itu ada ditunjuk atau diperihalkan secara khusus, dengan syarat bahawa tujuan, maksud itu hendaklah difahamkan dengan munasabahnyanya dari Dokumen Sebut Harga itu.
- 8.2 Jika Kontraktor mendapati apa-apa percanggahan dalam Dokumen Sebut Harga dia hendaklah merujuk kepada Pegawai Inden untuk mendapatkan keputusan.

9. KEGAGALAN KONTRAKTOR MENYIAPKAN KERJA DAN PENAMATAN PERLANTIKAN KONTRAKTOR

Pegawai Inden berhak membatalkan Inden sekiranya Kontraktor berada dalam keadaan berikut dan setelah menerima surat amaran daripada Pegawai Inden:

- (a) Sekiranya Kontraktor masih gagal menyiapkan Kerja dalam tempoh masa yang telah ditetapkan;
- (b) Kemajuan Kerja terlalu lembab tanpa apa-apa sebab yang munasabah;
- (c) Penggantungan pelaksanaan seluruh atau sebahagian Kerja, tanpa apa-apa sebab yang munasabah;
- (d) Tidak mematuhi arahan Pegawai Inden tanpa apa-apa alasan yang munasabah; dan
- (e) Apabila Kontraktor diisytiharkan bankrap oleh pihak yang sah.

10. BAYARAN KEMAJUAN

Pegawai Inden dibenarkan membuat bayaran interim sehingga kerja-kerja siap dilaksanakan.

11. KERJA PERUBAHAN

- 11.1 Pegawai Inden boleh menurut budi bicaranya mengeluarkan arahan-arahan yang berkehendakkan sesuatu perubahan kerja dengan secara bertulis. Tiada apa-apa perubahan yang dikeluarkan oleh Pegawai Inden atau yang disahkan kemudian oleh Pegawai Inden boleh membatalkan sebut harga ini.
- 11.2 Semua kerja perubahan dan/atau tambahan yang diluluskan oleh Pegawai Inden akan diukur atau dinilai dengan menggunakan kadar harga yang ada dalam Senarai Kuantiti/Ringkasan Sebut Harga. Jika tidak terdapat sebarang kadar harga yang bersesuaian, kadar harga yang dipersetujui oleh Pegawai Inden dan kontraktor hendaklah digunakan.

12. TEMPOH TANGGUNGAN KECACATAN (DLP)

- 12.1 Tempoh Tanggungan Kecacatan bagi sebut harga hendaklah sekurang-kurangnya enam (6) bulan dari tarikh kerja diperakukan siap. Bagi kerja-kerja mekanikal dan elektrik dimana tempoh waranti ke atas alat-alat dan loji-loji adalah dua belas (12) bulan dan dalam kes-kes tertentu oleh kerana jenis dan kerumitan kerja, tempoh tanggungan kecacatan yang lebih lama daripada enam (6) bulan boleh dikenakan.
- 12.2 Kontraktor dipertanggungjawabkan untuk memperbaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain yang mungkin kelihatan dan yang disebabkan oleh bahan atau barang atau mutu hasil kerja yang tidak menepati sebut harga ini apabila diarahkan oleh Pegawai Inden dan dalam masa yang berpatutan. Kontraktor hendaklah memperbaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain atas kos Kontraktor sendiri.
- 12.3 Sekiranya Kontraktor gagal memperbaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain seperti yang diarahkan, Pegawai Inden berhak memotong kos memperbaiki dari baki wang yang akan dibayar kepada kontraktor atau, jika baki itu tiada tidak mencukupi, mengeluarkan surat pengesyoran kepada Pusat Khidmat Kontraktor untuk menggantungkan pendaftaran Kontraktor, dan menghantar salinan-salinan surat tersebut kepada Pengarah Kerja Raya Negeri/Ketua Jabatan, Bahagian Pembangunan Bumiputera, Kementerian Kerja Raya dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan. Bagi kerja-kerja elektrik/mekanikal, salinan surat hendaklah dihantar kepada Pengarah Cawangan Kerja Elektrikal/Pengarah Cawangan Kerja Mekanikal.

13. PERATURAN MEMBAYAR SELEPAS SIAP

Bayaran sepenuhnya hanya akan dibayar setelah kontraktor menyiapkan kerja dengan sempurnanya dan Perakuan Siap Kerja dikeluarkan. Kontraktor hendaklah mengembalikan Borang-borang Inden Kerja Asal iaitu Borang Perjanjian Inden Kerja JKR 58 dan Borang Pengesahan Penyiapan Inden Kerja JKR 58A kepada Pegawai Inden.

14. PERAKUAN SIAP KERJA

Pegawai Inden hendaklah mengeluarkan Perakuan Siap Kerja sebaik sahaja kerja disiapkan dengan sempurna dan memuaskan. Tarikh siap kerja ini bermulanya Tempoh Tanggungan Kecacatan.

15. PERAKUAN SIAP MEMPERBAIKI KECACATAN

Pegawai Inden hendaklah mengeluarkan Perakuan Siap Membaiki Kecacatan sebaik sahaja kontraktor telah membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain.

16. PEMATUHAN KEPADA UNDANG-UNDANG OLEH KONTRAKTOR

Kontraktor hendaklah mematuhi segala kehendak Undang-undang Kecil dan Undang-undang Berkanun dalam Malaysia semasa pelaksanaan Kerja. Kontraktor tidak berhak menuntut sebarang kos dan bayaran tambahan kerana pematuhannya dengan syarat-syarat ini.

BORANG SEBUT HARGA KERJA

Sebut Harga Bil : **JPNPP/400-17/2019/18**

JABATAN PERHUTANAN
NEGERI PULAU PINANG
TINGKAT 20, MENARA KOMTAR
10000 PULAU PINANG

Tuan,

Sebut harga untuk

Di bawah dan tertakluk kepada Arahan Kepada Penyebut Harga Syarat-syarat Am Sebut Harga, Spesifikasi Kerja dan pelan-pelan, saya yang bertandatangan di bawah ini adalah dengan ini menawarkan untuk melaksanakan dan menyiapkan kerja kerja tersebut bagi jumlah harga pukal sebanyak Ringgit Malaysia:(RM).....).

2. Saya bersetuju menyiapkan kerja-kerja ini dalam masa minggu dari tarikh akhir tempoh mula kerja seperti yang diarahkan oleh Pegawai Inden.

Bertarikh padaharibulan.....20.....

.....
Tandatangan Kontraktor

.....
Tandatangan Saksi

Nama Penuh:.....

Nama Penuh:.....

No. K/P:.....

No. K/P:.....

Alamat:.....

Alamat:.....

Atas sifat:.....

.....
Meterai atau Cop Kontraktor

Sebut harga
.....

RINGKASAN SEBUT HARGA (PUKAL)

Bil.	Huraian Kerja	Jumlah Harga Pukal (RM)
	Jumlah dibawa ke Borang Sebut Harga	

Catatan:

Jika ada butiran yang dikehendaki dalam Spesifikasi dan Skop Kerja tidak termasuk di dalam Ringkasan Sebut Harga ini, harga butiran tersebut hendaklah disifatkan telah dimasukkan ke dalam salah satu butiran dalam Ringkasan Sebut Harga.

.....
Tandatangan Kontraktor
Tarikh.....

LATAR BELAKANG KONTRAKTOR

Kontraktor mesti memberikan maklumat sepenuhnya diborang Bahagian A, B, & C ini. Jika tidak mereka dianggap menyalahi syarat-syarat sebutharga.

Bahagian A

1. Nama :
2. Alamat :
3. Kelas : Tajuk/Tajuk Kecil: Tarikh Didaftar
.....
4. Ahli-ahli Pengurusan:

Nama	Jawatan	Kelulusan/Akademik/Iktisas

BAHAGIAN B

Senaraikan tiga kerja-kerja yang TELAH disiapkan.

Nama Projek	Agensi yang mengawasi projek	Harga (RM)	Tempoh	Tarikh siap sebenar

BAHAGIAN C

Senaraikan tiga kerja-kerja yang SEDANG disiapkan.

Nama Projek	Agensi yang mengawasi projek	Harga (RM)	Tempoh	% Kemajuan semasa

**SENARAI SEMAKAN
(BEKALAN/PERKHIDMATAN/KERJA)**

Sila tandakan Bagi Dokumen-Dokumen Yang Disertakan

Bil	Perkara/Dokumen	Untuk Di tanda Oleh syarikat	Untuk di tanda Oleh Jawatankuasa Pembuka sebut Harga
1	Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Dari Kementerian Kewangan (Bekalan /Perkhidmatan)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2	Salinan Sijil Akuan Bumiputra Dari Kementerian Kewangan (Bekalan /Perkhidmatan)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3	Salinan Sijil Akuan Pembuat Dari Kementerian Kewangan (Bekalan /Perkhidmatan)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
4	Salinan Sijil Pendaftaran Dari Pusat Khidmat Kontraktor (Kerja)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
5	Salinan Sijil Taraf Bumiputra Dari Pusat Khidmat Kontraktor (Kerja)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
6	Salinan Sijil Pendaftaran Dari CIDB	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
7	Borang Sebut Harga Telah Diisi Dengan Lengkap (termasuk nilai tawaran dan tempoh siap) dan ditandatangani	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
8	Borang Maklumat Penyebut harga	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
9	Pematuhan Kepada spesifikasi	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
10	Borang Penyerahan Contoh dan Katalog (jika berkaitan)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
11	Cadangan Penyelenggaraan/Penyenggaraan (jika perlu)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
12	Senarai Kakitangan Teknikal (jika berkaitan)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

Bil	Perkara/Dokumen	Untuk Di tanda Oleh syarikat	Untuk di tanda Oleh Jawatankuasa Pembuka sebut Harga
13	Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank Bagi Tiga (3) Bulan Terakhir	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
14	Surat Akuan Pembida	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
15	Lain-lain Sekiranya Ada	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

PENGESAHAN OLEH SYARIKAT	UNTUK KEGUNAAN JABATAN
<p>Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.</p> <p>Tandatangan:</p> <p>Nama:</p> <p>Jawatan:</p> <p>Tarikh:</p>	<p>Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil.....(jika ada).</p> <p>Tandatangan:</p> <p>Nama:</p> <p>Jawatan:</p> <p>Tarikh:</p> <p>Tandatangan:</p> <p>Nama:</p> <p>Jawatan:</p> <p>Tarikh:</p>

KENYATAAN SEBUT HARGA
JABATAN PERHUTANAN NEGERI PULAU PINANG
BIL. SEBUT HARGA : JPNPP/400-17/2019/18

1. Sebut harga adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dalam **Kelas G1 Taraf Bumiputera Di Bawah Kategori CE Pengkhususan CE21 Kerja-Kerja Am Kejuruteraan Awam (Gred-G1-CE21)** dari **Daerah Seberang Perai Selatan Sahaja** dan masih dibenarkan membuat sebut harga buat masa ini untuk melaksanakan kerja-kerja berikut:-

No. Sebut harga	Perihal Kerja :
JPNPP/400-17/2019/18	SEBUT HARGA BAGI KERJA-KERJA MEMBINA DATARAN KONKRIT DI KAWASAN KOLAM MANDI UTAMA, MEMBINA TEMBOK PENAHAN KONKRIT SERTA MENAIKTARAF HALAMAN TERBUKA DENGAN TURAPAN KONKRIT MEMANCA (INTERLOCKING CONCRETE PAVING) DI KAWASAN WAKAF TERBUKA DAN LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI DALAM KAWASAN TAMAN NEGERI BUKIT PANCHOR, PULAU PINANG.

2. Dokumen-dokumen sebut harga boleh disemak pada waktu pejabat di Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang Tingkat 20, MENARA KOMTAR, Pulau Pinang dari **13/5/2019**.
3. Kontraktor-kontraktor yang berminat dikehendaki menghadiri satu lawatan tapak pada **(KHAMIS) 16/5/2019**. Kontraktor-kontraktor dikehendaki melaporkan diri di **PONDOK INFORMASI TAMAN NEGERI BUKIT PANCHOR , JAM 10.00 PAGI** pada hari tersebut.
4. Borang sebut harga akan hanya dikeluarkan kepada kontraktor-kontraktor yang hadir pada hari lawatan tapak sahaja. Untuk maksud ini kontraktor-kontraktor atau penama-penama yang sah dikehendaki mengemukakan **SIJIL PENDAFTARAN ASAL** yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) yang berkaitan Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan serta Sijil Taraf Bumiputra. Sebarang **SALINAN SIJIL PENDAFTARAN ASAL** yang dikemukakan tidak akan dilayan.
5. Lawatan tapak hendaklah dihadiri sendiri oleh pemilik syarikat berkenaan dan bukan diwakilkan dengan mengemukakan salinan sijil asal.
6. Borang sebut harga boleh dibeli melalui Laman Web **<http://ep.penang.gov.my>** dengan senaskah berharga **RM 10.00** (Ringgit Malaysia : Sepuluh Sahaja) mulai **16/5/2019**.
7. Sebut harga ini akan ditutup pada **(KHAMIS) 23/5/2019**. Borang tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam peti Sebut harga di Tingkat 20, Pejabat Perhutanan Negeri Pulau Pinang, sebelum **JAM 12.00 Tengahari**.
8. Kerajaan Negeri tidak terikat untuk menerima sebut harga yang paling rendah atau sebarang sebut harga.